



CAP PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH)

- i. Program 7 Pillars - Kursus
Kemahiran Komunikasi,
UniMAP



IPTA

Projek Agenda Kritikal

KPI

Tajuk Aktiviti

UniMAP

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Jumlah Program PSH yang ditawarkan oleh institusi yang berkeelayakan.

PROGRAM 7 PILLARS – KURSUS KEMAHIRAN KOMUNIKASI



Latar Belakang Aktiviti

Program 7 Pillars di UniMAP merupakan program wajib yang melibatkan semua pelajar tahun akhir bagi keperluan untuk melengkapkan syarat pengijazahan pelajar. Program-program ini dikendalikan oleh beberapa pusat pengajian. Program ini bertujuan untuk menyeimbangkan antara IQ dan EQ pelajar UniMAP supaya lebih terbina sahsiah serta rupa diri mereka untuk berhadapan dengan era globalisasi. Antara program yang dijalankan ialah kursus Bina Negara Asas Mahasiswa (BTN), program Wacana Sosial, bengkel Kepimpinan, Kursus Etika Sosial dan termasuk kursus Kemahiran Komunikasi.

Kursus Kemahiran Komunikasi 2012 merupakan salah satu program yang terkandung dalam program RPS 7 Pillars UniMAP. Program ini diwajibkan kepada semua pelajar tahun tiga atau tahun akhir di UniMAP dan juga sebagai salah satu keperluan untuk melengkapkan syarat pengijazahan pelajar. Kursus ini ditawarkan pada setiap tahun dalam setiap sidang akademik. Kursus ini bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan kepada pelajar khusus dalam aspek kemahiran berkomunikasi dan etika sosial sebagai persediaan untuk mempersiapkan diri mereka sebelum menempuh ke alam pekerjaan dan masyarakat. Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan merupakan pusat yang dipertanggungjawabkan mengendalikan aktiviti ini dengan kerjasama daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UniMAP. Program ini merupakan program yang tidak berkecredit tetapi merupakan satu nilai tambah bagi pelajar.

Perancangan Aktiviti

Kursus ini dirancang sejak awal semester, semester 2 dan ditawarkan pada fasa kedua minggu pembelajaran sebelum pelajar memasuki pembelajaran di semester berkenaan. Program yang dijalankan telah mengambil kira peralihan AJK yang terlibat, tarikh kursus, kumpulan sasaran yang terlibat iaitu pelajar tahun akhir dan juga penceramah bagi setiap pengisian slot.

Pelaksanaan Aktiviti

Aktiviti ini diadakan selama satu hari dan kumpulan sasaran yang terlibat terdiri daripada pelajar-pelajar tahun tiga. Penyampaian berbentuk taklimat kepada para pelajar dan terbahagi kepada beberapa slot ceramah. Slot ceramah dikendalikan oleh penceramah-penceramah jemputan yang berpengalaman dari aspek komunikasi. Antara pengisian yang lazimnya diberikan kepada pelajar seperti pengucapan awam dan etika sosial, komunikasi silang budaya, dan teknologi media baru dalam aspek komunikasi. Melalui program ini juga, pelajar dapat mengetahui dan mengaplikasikan kaedah atau cara berkomunikasi apabila mereka berhadapan dengan alam pekerjaan kelak.

Pencapaian

Pencapaian program akan dinilai berdasarkan borang soal selidik yang diberi kepada pelajar setelah selesai program tersebut. Antara yang dinilai dalam borang tersebut ialah objektif kandungan kursus termasuk pemahaman dan penguasaan para pelajar tentang kemahiran komunikasi. Slot ceramah yang disampaikan oleh penceramah jemputan semasa kursus turut dinilai sama ada tentang pengetahuan mereka terhadap topik yang disampaikan mahu pun tentang pengisian kandungan ceramah tersebut. Kebolehan penggunaan bahasa pelajar akan dinilai dalam beberapa slot ceramah. Penilaian keseluruhan kursus dinilai dari aspek keberkesanan syarahan yang disampaikan, penceramah yang dipilih mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang bersesuaian dengan keperluan kursus, tempoh pengendalian kursus sama ada mencukupi atau tidak dan juga keberkesanan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan. Melalui soal selidik yang dijalankan ini, pihak penganjur dapat membuat penambahbaikan berdasarkan penilaian para pelajar terhadap kursus.

Dasar/Garis Panduan Yang Menyokong Pelaksanaan

Program ini dilaksanakan berdasarkan panduan buku *Rakan Pendamping Siswa* yang dikeluarkan oleh UniMAP.

Isu-Isu Pelaksanaan

Terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan kursus tersebut iaitu dari aspek jangka masa program selama sehari tidak menjadi pengukur terhadap kemahiran berkomunikasi pelajar. Perbelanjaan untuk penceramah jemputan turut melibatkan jumlah kos yang besar berdasarkan kelayakan mereka. Penglibatan pelajar yang terlalu ramai turut memberi kesan terhadap keberkesanan kursus tersebut.

Penambahbaikan

Jangka masa program selama sehari seharusnya dijalankan dalam tempoh dua hari. Ini bagi membolehkan penceramah dapat memberikan lebih ilmu dan tips berkomunikasi. Pelajar juga dapat menguasai dan memahami pengisian kursus tersebut. Kursus yang dijalankan ini melibatkan jumlah peserta yang terlalu ramai. Oleh itu, bagi mendapatkan penyampaian yang berkesan, dicadangkan kursus ini dapat dilaksanakan dalam kumpulan-kumpulan yang kecil.

Bahagian/Unit Bertanggungjawab

Kursus ini telah dipertanggungjawabkan kepada Pengerusi Rancangan Kursus IT dan Komunikasi, Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UniMAP.



Gambar Kursus Kemahiran Komunikasi Pelajar



Kursus Kemahiran Komunikasi